

## **BAGAIMANA PENERIMAAN SYIAH DI SELANGOR?**

Kebanyakan penganut Syiah secara individunya memang berasal dari kalangan keluarga Sunni dan mendapat didikan dalam suasana Ahli Sunah, tetapi mereka kemudiannya berubah menjadi Syiah disebabkan kerana tertarik terhadap apa yang wujud dalam fahaman Syiah. Menurut Kamil Zuhairi dan Abu Dzar, sememangnya majoriti masyarakat Syiah di Malaysia adalah berasal dari pegangan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah tetapi kemudian mereka semua berubah menjadi Syiah berdasarkan faktor diri masing-masing (Kamil Zuhairi. 2010: Temu Bual, 25 November; Abu Dzar. 2010: Temu Bual, 26 November).

Dalam temu bual dengan Abu Dzar, beliau menganut fahaman Syiah adalah disebabkan oleh faktor beliau berhijrah ke Iran dalam menuntut ilmu. Selain itu beliau memaklumkan bahawa sebenarnya penyebab kepada beliau ini menganut fahaman Syiah adalah kerana sikap masyarakat yang sangat jahil dalam ilmu agama. Beliau memberikan contoh, ketika beliau masih kanak-kanak, beliau pergi ke surau dan mahu solat kerana niat ikhlas mahu menunaikan solat tetapi selalu beliau dikatakan sebegini, "*datang ke surau nak main sahaja, pergi jauh-jauh*" oleh golongan dewasa di surau. Selain itu, apabila ada majlis-majlis yang ada disediakan makanan apabila beliau datang untuk menunaikan solat, ada mulut yang berbunyi "*datang surau nak melantak la tu*". Sikap-sikap sebegini menyebabkan beliau mula mencari kebenaran dan akhirnya menemui Syiah (Abu Dzar. 2010: Temu Bual, 26 November). Manakala bagi Kasmawi pula (2010: Temu Bual, 29 November), beliau terlibat dengan fahaman Syiah adalah kerana beliau terdedah dengan suasana Syiah dan kesedaran Islam semenjak menuntut Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

**ASAS-ASAS PADA TEORI PENYEBARAN FAHAMAN SYIAH ALIRAN ISLAM DI ALAM MELAYU**

PANDANGAN	TEORI YANG DIKEMUKAKAN
<b>S.Q Fatimid dan Atcheh</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>⊙ Menyatakan bahawa aliran Syiah datang ke Alam Melayu sebelum ketibaan aliran Sunni dan mempunyai pengaruh yang memberangsangkan.</li> <li>⊙ Mendakwa bangsa Arab, Parsi atau India (dari Gujerat, India) semuanya adalah pengikut Syiah yang menjadi pendakwah pertama Islam di Alam Melayu.</li> </ul>
<b>Sayyid Alwi Al-Haddad</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>⊙ Menyatakan sekelompok Arab keturunan Alawiyyin melarikan diri ke Champa dari kekejaman tentera Al-Hajjaj.</li> <li>⊙ Menambah bahawa segolongan Alawiyyin dari arah Champa belayar ke Sila (Sulawesi) dan Sabah pada sekitar tahun 65 H-86 H/685 M-705 M.</li> <li>⊙ Memetik penjelasan Al-Nuwayri (1955 M) melalui kitabnya, <i>Nihayah al- Arab fi Funun al-'Adab</i> yang menyatakan bahawa di sebelah timur China terdapat sekumpulan Arab yang terdiri daripada penyokong-penyokong Ali Bin Abi Talib (dikenali sebagai Aliwiyyin) mendiami Sila (Sulawesi) setelah berhijrah dari Champa.</li> </ul>
<b>Wan Hussein Azmi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>⊙ Menyatakan bahawa Syiah tiba ke timur Sumatera pada masa pemerintahan Bani Buwayh pada tahun 359 H/969 M dan menetap di Siak.</li> <li>⊙ Mendakwa bahawa Parameswara diIslamkan oleh seorang Syiah (kerana berketurunan Sayyid) bernama Sayid Abdul Aziz.</li> </ul>

<p><b>Kamis Ismail</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>⊙ Menyatakan pengaruh Syiah meluas dalam politik Alam Melayu menerusi beberapa Kerajaan Melayu seperti Perlak, Pasai dan Aceh Darul Salam.</li> <li>⊙ Mendakwa sejarawan awal tidak melaporkan tentang kewujudan Syiah di Alam Melayu sehingga menyebabkan terpaksa bergantung pada sumber-sumber tempatan seperti tulisan A. Hasjmy dan M. Yunus Jamil.</li> <li>⊙ Merumuskan terdapat lima pemerintah Perlak berfahaman Syiah dan ajaran Syiah dipercayai tersebar menerusi kerajaan ini di pantai barat Sumatera. (Pandangannya ditolak oleh Azyumardi Azra yang menafikan sebarang kewujudan entiti politik di Perlak dan Hassan Muarif Ambary yang hujah penolakannya berdasarkan kajian arkeologinya mengenai Islamisasi di Indonesia).</li> </ul>
<p><b>Mahayuddin Yahya</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>⊙ Membuktikan menerusi penyelidikan beliau ke atas kitab, <i>Bahr al-Lahut</i> karya Syeikh Abdullah Arif yang didakwa bertanggungjawab menyebarkan ajaran Syiah di Alam Melayu kerana kitab tersebut dipenuhi dengan ajaran Syiah yang bercampur baur dengan dengan tasawwuf falsafah.</li> <li>⊙ Menyimpulkan bahawa golongan sayyid dan Alawiyyin merupakan penyebar ajaran Syiah pertama di Alam Melayu.</li> </ul>
<p><b>M. Yunus Jamil</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>⊙ Melaporkan bahawa Syiah Ismailiyyah Batiniyyah begitu berpengaruh, berkuasa dan mendominasi pemerintahan Pasai semasa di bawah pemerintahan Ratu Nihrsiyah. Baginda melantik Ariya Bakoy</li> </ul>

	<p>Ahmad Permala (seorang penganut Syiah) sebagai Perdana Menteri. Ariya Bakoy menggunakan kedudukannya untuk menindas musuh politiknya yang beraliran Sunni termasuk mengeluarkan perintah supaya membunuh kira-kira 40 orang tokoh ulama Sunni. Ini mencetuskan pemberontakan rakyat Pasai beraliran Sunni terhadap Ariya Bakoy yang akhirnya dikalahkan dan dibunuh oleh Malik Mustafa, suami Ratu Nihrsiyah yang beraliran Sunni sekaligus menamatkan pengaruh Syiah dalam aspek politik.</p>
<p><b>A. Hasjmy</b></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>⊙ Menyatakan Kerajaan Aceh didirikan pada tahun 601 H/1205 M. Seramai 42 orang pemerintah kerajaan ini adalah pengikut aliran Ahli Sunnah Jamaah. Namun, pengaruh Syiah dikesan melalui tokoh-tokoh besar ulama yang memegang jawatan penting dalam pentadbiran negara.</li> <li>⊙ Melaporkan bahawa pada abad ke-16 M dan ke-17 M tokoh-tokoh ulama Sunni dan Syiah dari Semenanjung Tanah Arab, Parsi dan India silih berganti datang ke Aceh dengan tujuan untuk memperkuat golongan masing-masing.</li> <li>⊙ Menegaskan bahawa persaingan pengaruh antara Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Syiah membawa pada pergeseran politik termasuk peristiwa membakar buku-buku dan penurunan takhta.</li> <li>⊙ Menyatakan bahawa wujud pertentangan fahaman <i>wahdat al-wujud</i> (berasal dari fahaman Syiah yang diketuai oleh Hamzah Fansuri dan Syamsuddin Sumaterani) dengan fahaman <i>wahdat al-syuhud</i> yang</li> </ul>

	<p>dipegang oleh Nur al-Din al-Raniri dan Syeikh Abd. Rauf Syiah Kuala.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>⊙ Menceritakan bagaimana sebelum Nur al-Din al-Raniri dilantik sebagai kadi dalam kerajaan Sultan Ali Mughayat Syah Iskandar Thani (1636-1641M), pengikut <i>wujudiyah</i> menimbulkan kekacauan di Aceh. Nur al-Din al-Raniri menasihati Sultan supaya mengambil tindakan keras dan mengekang fahaman Wujudiyah. Hasilnya, Sultan memerintahkan agar kitab-kitab Hamzah Fansuri dan Syamsuddin Sumaterani dibakar di Masjid Bayt Rahman malah pembunuhan kejam turut dikenakan ke atas pengikut Wujudiyah.</li> <li>⊙ Menyimpulkan peristiwa tersebut menjadikan ajaran Wujudiyah terus berkembang dalam Kerajaan Aceh khususnya di bawah pemerintahan empat orang Ratu dan selepas kematian kadi Syeikh Abd Rauf Syiah Kuala pada tahun 1695 M.</li> </ul>
--	---

**Rumusan:**

- ⊙ Syiah turut meresapi perkembangan Islam di Alam Melayu secara individu.
- ⊙ Syiah mula berkembang menerusi ajaran Wujudiyah dan tasawwuf falsafah selepas ketibaan Syeikh Abdullah Arif ke Alam Melayu pada abad ke-12 M sekaligus membuktikan bahawa ajaran Sunni adalah aliran terawal tiba dan menguasai Alam Melayu sebelum diresapi oleh Syiah.
- ⊙ Pemikiran dan budaya Syiah menyerap dalam masyarakat Islam melalui kegiatan tasawwuf di Nusantara dan doktrin para ahli sufi yang berpegang pada fahaman Syiah.
- ⊙ Keturunan Ahlul Bait atau sayyid-syarif merupakan kelompok utama pembawa ajaran sufi yang terlibat dalam kegiatan tasawwuf serta memiliki peranan besar

---

dalam penyebaran Islam di rantau ini. Mereka adalah penganut fahaman Sunni tetapi dalam kalangan mereka turut merayakan beberapa perayaan Syiah seperti Hari Haul para habib, menyambut hari kematian Husain, mengamalkan ratib-ratib seperti ratib al-Hadad dan sebagainya.

- ⊙ Sebahagian besar golongan Alawiyyin merupakan penganut Syiah, menjadi ketua-ketua bagi markas-markas Syiah dan menjadi intelektual dan pakar dalam bidang tasawwuf falsafah yang berasaskan Syiah (contoh: keluarga al-Attas dan al-Haddad di Malaysia dan di Indonesia).
- ⊙ Ajaran bersumberkan warisan keturunan sayyid dari Yaman yang turut bergandingan dengan tarekat Naqsybandiyyah membawa pelbagai ajaran khurafat dan menyesatkan termasuk ajaran *Aurad Muhammadiyyah* dan *yaqazah* yang diamalkan oleh kumpulan al-Arqam dan difatwakan sesat oleh pihak berkuasa Malaysia.
- ⊙ Para pengkaji mengenai Kerajaan Perak, Pasai dan keturunan sayyid yang muncul di Alam Melayu tradisional, sering kali menghubungkan keturunan sayyid ini dengan Ja'far al-Sadiq (imam keenam Syiah Imamiyyah) menerusi datuk mereka Ahmad bin Isa al-Muhajir.
- ⊙ Terdapat riwayat yang melaporkan Ahmad bin Isa al-Muhajir merupakan penganut Syiah Imamiyyah di Basrah. Setelah berhijrah ke Yaman beliau menghantar anaknya, Ubaydillah bin Ahmad bin Isa mempelajari kitab rujukan terawal bidang tasawwuf *Qut al-Qulub* dengan pengarangnya sendiri, Abu Talib al-Makiyy (tokoh besar sufi di Makkah). Dari sinilah ajaran sufi berkembang di Tarim, Hadramaut sehinggalah melebarkan ajaran sufi dan tasawwuf falsafah ke Alam Melayu.
- ⊙ Jalaluddin Rahmat (tokoh besar Syiah Indonesia) mengatakan kelompok Alawiyyin dari Hadramaut, Yaman dan keturunan Ahmad bin Isa al-Muhajir yang tersebar di rantau Alam Melayu menyebarkan ajaran Syiah dengan *bertaqiyyah* di sebalik ajaran tasawwuf Sunni.
- ⊙ Para pengkaji Alam Melayu mengaitkan bahawa ajaran sufi dan tasawwuf serta tarekat yang dimport dari Arab dan Parsi dipengaruhi oleh ajaran Syiah khususnya Syiah Batiniyyah yang pada dasarnya tidak banyak berbeza dengan Syiah Imam Dua

---

Belas. Pengaruh Syiah dalam tasawwuf dikatakan menjadi punca berkembangnya doktrin seperti “Nur Muhammad”, “Imam al-Mahdi Penyelamat Umat”, “Nujudiyah”, “Martabat Tujuh” dan “Insan Kamil” serta perayaan seperti Maulidur Rasul, bubur asyura dan perayaan-perayaan lain dalam Alam Melayu tradisional.

- ⊙ Terdapat pandangan juga yang menyatakan pengaruh Syiah tersebar di Alam Melayu menerusi kegiatan tasawwuf dan penglibatan Wali Songo khususnya Sunan Kalijaga dan Syeikh Abdul Jalil (Syeikh Siti Jenar) yang bermazhab Syiah Imam Dua Belas.
- ⊙ Pada abad ke-18 M pengaruh tasawwuf beralih kepada aliran Sunni dengan kemasukan buku-buku karangan Imam al-Ghazali seperti *al-Lubab*, *Ihya Ulumuddin* dan *Bidayah al-Hidayah*. Namun, pengaruh Syiah-tasawwuf tidak pupus kerana terjemahan kitab-kitab tersebut dilakukan oleh tokoh-tokoh yang dipengaruhi dengan pemikiran Syiah.
- ⊙ Kebanyakan tarekat tidak pernah terlepas menerima pengaruh Syiah kerana sanad-sanad tarekat mereka sering kali dihubungkan kepada imam-imam Syiah yang dianggap sebagai wali-wali mereka.

## MENGAPA ORANG MELAYU SUKA KEPADA SYIAH?

BIL.	SEBAB	ULASAN
1.	JAHIL	<p><b>Masyarakat jahil terhadap apakah ajaran Syiah itu yang sebenarnya?’</b></p> <p>Faktor kejahilan orang Melayu mengenai fahaman Syiah, kesalahfahaman tentang ajaran Islam yang sebenar dan sikap mengambil mudah soal ibadat dan amalan Islam yang lain, telah membuka pintu hati dan mendorong mereka untuk menerima ajaran Syiah sebagai pegangan setelah mendapati ajaran tersebut lebih mesra dengan kehendak dan nafsu mereka.</p>
2.	TAKSUB	<p><b>Taksub dengan kepemimpinan Khomeini</b></p> <p>Kepemimpinan Khomeini mengutama dan menonjolkan ulama Syiah dengan memegang barisan kabinet Kerajaan Iran seterusnya membangkitkan bendera ideologi Islam ke pentas dunia. Fenomena ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi minda sebahagian personaliti politik tanah air yang pro Islam seperti parti Parti Islam SeMalaysia (PAS).</p>
3.	IKUT-IKUTAN	<p><b>Terikut-ikut dan terpengaruh dengan pensyarah, rakan sebaya dan kawan sekampung</b></p> <p>Budaya ini berlaku dalam kalangan pelajar dengan kemasukan para pensyarah dan pelajar dari negara Timur Tengah ke institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) . Pengaruh dan budayanya kemudian menular ke luar bandar dan mempengaruhi segelintir masyarakatnya seperti di Kedah, Perak dan Kelantan.</p>



---

4. **NAMPAK  
MUDAH**

**Memudah-mudahkan soal ibadat**

Hal ini tercermin menerusi pegangan mereka contohnya, penganut Syiah hanya bersolat untuk tiga waktu sahaja. Mereka menjamak atau menghimpunkan waktu Solat Zuhur dan Solat Asar menjadi satu waktu. Perkara ini telah menarik perhatian dan minat anak-anak muda yang tiada pengetahuan yang mendalam mengenai ajaran Syiah terutama dalam situasi kini di mana masyarakat kota sentiasa hidup mengejar masa.

5. **POLITIK**

**Taksub kepartian**

Sikap orang Syiah yang berani dan lantang bersuara di barisan hadapan menjuarai perjuangan rakyat, menanam sentimen ketaksuban di kalangan segelintir orang Melayu dalam berpolitik. Hal ini juga didorong oleh hasrat untuk mencari seorang pemimpin yang mereka anggap boleh membawa ke arah pembentukan sebuah Negara Islam.

6. **MEMBELA  
KELUARGA  
RASULULLAH  
SAW**

**Mendakwa kononnya pengikut Syiah adalah pembela keluarga Rasulullah SAW**

Kemunculan Syiah yang seiring dengan sejarah perkembangan Islam telah memberi keyakinan untuk mempercayai bahawa Syiah sebagai mazhab Ahlul Bait yang menjadi pembela kepada keturunan Rasulullah SAW.

7. **KELIRU**

**Terkeliru disebabkan kejahilan dan kekurangan maklumat berkenanan dengan ajaran Syiah**

Penjenamaan Syiah sebagai sebahagian daripada mazhab dalam Islam melalui penggunaan istilah seperti Muslim Syiah,

---

Islamic Republic of Iran (Republik Islam Iran), Mullah, Ayatullah, Hizbullah dan seumpamanya. Dari sudut aqidah, meskipun Sunni dan Syiah mempunyai perbezaan yang ketara, namun Allah dan Nabi Muhammad SAW tetap sebagai Tuhan dan Rasul yang diimani bersama. Perkara ini telah mengelirukan masyarakat Melayu tentang kesesatan Syiah.

**8. PERKAHWINAN    **Terpaksa mengikut ajaran pasangan****

Wanita Melayu yang dikahwini oleh penganut Syiah terpaksa mengikut fahaman suaminya atas dasar taat kepada suami.

**9.    DISOGOK            **Disogok dengan biasiswa****

*“Bagai orang mengantuk disorongkan bantal”*, demikianlah sikap segelintir pelajar Melayu yang berminat untuk menyambung pengajian mereka ke peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) apabila pemimpin Iran memberi tawaran biasiswa kepada individu yang hendak melanjutkan pengajian di Iran seperti di Mustafa International University, Qom, Iran.

**10.    DENDAM            **Kecewa dengan sikap dan cara segelintir pendakwah Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam memberi teguran****

Segelintir orang Melayu merasa kecewa dengan sikap dan cara beberapa agamawan dan ilmuwan Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) dalam menjelaskan tentang kesesatan Syiah yang mereka anggap sekadar membuat spekulasi syok sendiri, hujah-hujah mereka tidak mantap, tidak ada bukti jelas yang sepatutnya perlu menggunakan sumber-sumber Syiah sendiri untuk membuktikan kesesatan yang mereka nyatakan.

**11. TERPENGARUH** **Terpengaruh dengan dakwah yang mengatakan Syiah adalah benar**

Syiah melakukan pelbagai tipu muslihat dan tipu daya. Penganut Syiah mengaku Sunni. Contohnya, seorang tokoh Syiah bernama Sulaiman bin Ibrahim al-Qanduzi yang banyak mengarang kitab-kitab Syiah. Salah satu karangannya ialah bertajuk *Yanabi' al-Mawaddah* di mana dia mengaku dirinya seorang Sunni. Pengakuan palsu ini berjaya memperdayakan orang Melayu dengan beranggapan bahawa fahaman Syiah adalah fahaman ASWJ.

**12. TERJEBAK** **Terjebak dengan dakwah Syiah tanpa disedari**

Melalui penganjuran kelas-kelas tahfiz dan sistem pendidikan sejak pra sekolah yang dilakukan oleh Syiah, menjerumuskan masyarakat Melayu dengan Syiah tanpa sedar sebagaimana yang pernah dikesan di beberapa buah tadika di Lembah Klang.

**13. KETURUNAN** **Dilahirkan daripada keluarga pengamal ajaran Syiah**

Hasil perkahwinan wanita Melayu dengan penganut Syiah, menjadikan keluarga tersebut turun-temurun menjadi penganut Syiah.

**14. DISIHIR** **Disihir menerusi makanan**

Salah satu senjata Syiah untuk menjayakan misi dan visinya agar Syiah diterima oleh masyarakat setempat ialah dengan menggunakan ilmu sihir melalui pelbagai cara termasuk sihir menerusi makanan. Syiah membenarkan pengikutnya mempelajari sihir dan ilmu sihir Syiah termaktub di dalam beberapa kitab Syiah seperti dalam kitab *al-Kafi* (al-Kulaini)

---

dan kitab *Bihar al-Anwar* (al-Majlisi).

**15. TERHUTANG BUDI**      **Iran memberi banyak bantuan kepada mereka yang mendukung ajaran Syiah**

Satu risikan telah mendapati bahawa terdapat 300 buah syarikat di Malaysia mendapat dana daripada Iran. Syarikat-syarikat yang mendapat dana dari Iran telah menyumbangkan sebahagian daripada keuntungan yang diperoleh kepada gerakan Syiah di Malaysia.

**16. TERPIKAT DENGAN PENAMPILAN**      **Terpesona dengan penampilan pengikut Syiah**

Sikap penganut Syiah yang mudah menyesuaikan diri dengan masyarakat dan persekitaran telah mampu menambat hati segelintir orang Melayu untuk menerima Syiah.

**17. TERPEDAYA**      **Terpedaya dengan budaya hidup Syiah kononnya lebih Islamik**

Kelicikan Syiah yang berselindung di sebalik serban, kopiah, jubah, tasbih, solat serta gelaran penceramah bebas atau penceramah politik berjaya memperdaya dan menarik minat segelintir masyarakat Melayu.

**18. TERTIPU**      **Tertipu dengan hujah penganut Syiah**

Kepetahan pendakwah-pendakwah Syiah dalam menyampaikan hujah mereka meyakinkan masyarakat tentang kebenaran Syiah.

**19. INGIN MECUBA SESUATU YANG BAHARU**      **Sikap segelintir remaja yang suka mencuba**

Kajian mendapati bahawa remaja cenderung menuruti tingkah laku kumpulan yang mana dia berada di dalamnya. Dengan mencontohi rakan sebayanya, remaja akan dapat

belajar satu tingkah laku baharu yang cuba diserap dan disesuaikan pula ke dalam personalitinya.

**20. CETEK ILMU**

**Cetek ilmu tentang ajaran Sy'iah yang sebenar**

Dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan strategi oleh Syiah dalam menarik minat ASWJ serta kecetekan ilmu agama dalam kalangan orang Melayu, memudahkan dakwah Syiah bertapak.

**21. LICIK**

**Puak Syiah licik dalam memutar belit fakta**

Penyebaran fahaman Syiah tidak dizahirkan secara terang dan nyata. Kadang kala mereka menyelimuti amalan mereka. Taktik ini mengelabui masyarakat akan wajah Syiah yang sebenar. Selain itu, mereka licik dan bijak dalam menyampaikan fakta sehingga berjaya menambat hati orang Melayu.

**22. EKONOMI**

**Diberi sokongan dana perniagaan dan biasiswa**

Satu risikan mendapati terdapat 300 buah syarikat yang mendapat dana daripada Iran untuk menjalankan perniagaan. Selain itu, mereka turut menawarkan biasiswa kepada individu yang ingin melanjutkan pengajian khususnya di Iran dan Pakistan.

**23. MUT'AH**

**Ditawarkan dengan mut'ah**

Satu dokumen surat pekeliling rahsia ditemui oleh sesetengah pihak daripada sebuah pertubuhan Syiah yang berpusat di Pendang, Kedah. Surat tersebut mengandungi tawaran kahwin kontrak atau mut'ah terhadap 156 gadis sunti dan 341 janda. Mereka yang berminat hanya perlu menyediakan mas kahwin sahaja. Juru nikah akan dibuat oleh

ayah perempuan manakala dua orang saksi serta penginapan akan disediakan.

**24. PENGARUH  
KERJAYA**

**Terpengaruh disebabkan bekerja di Iran**

Fahaman kuat Syiah di Iran sedikit sebanyak mempengaruhi fahaman orang Melayu yang bekerja di Iran khususnya dalam bidang tenaga, gas dan petrokimia menepati inti pati hadis Rasulullah SAW yang menyebut, *'Kalau berkawan dengan penjual minyak wangi, kita akan dapat bau harumnya. Kalau berkawan dengan tukang besi, kita akan dapat tempias panas besinya.'*

**25. MUDAH  
TERPENGARUH**

**Terpengaruh dengan sikap lemah lembut penganut Syiah**

Kecerdikan Syiah bertaqiyah dengan penampilan sikap lemah lembut, sopan santun, baik hati, bersesuaian dengan adat masyarakat setempat berjaya meraih hati penduduk.

**26. KABUR**

**Kabur dalam menilai kesesatan ajaran Syiah**

Pertembungan ASWJ dan Syiah dalam menyampaikan hujah, mengelirukan masyarakat. ASWJ tidak memberikan bukti yang kukuh tentang kesesatan Syiah manakala Syiah pula berjaya memberikan hujah yang jelas dalam mempertahankan kebenarannya.

**27. LOGIK AKAL**

**Menggunakan hujah logik untuk mengaburi mata orang awam**

Kalimah 'Syiah' yang terdapat di dalam al-Qur'an menerusi Surah al-Qasas ayat 15, dijadikan salah satu hujah logik akal oleh Syiah untuk membuktikan kebenaran mereka sehingga berjaya mengaburi mata masyarakat setempat.

28. <b>TAQIYYAH</b>	<b>Tertipu dengan sikap pengikut Syiah yang bertaqiyyah</b>
	Syiah membawa pendekatan <i>taqiyyah</i> atau berpura-pura demi kepentingan mereka serta sering menggunakan seruan cinta kepada keluarga Rasulullah SAW menjadikan segelintir masyarakat Melayu mudah tertipu.
29. <b>PENGARUH MEDIA MASSA</b>	<b>Terpengaruh dengan pemikiran ajaran Syiah melalui media massa</b>
	Wujudnya beberapa media sosial pro Syiah di alam maya seperti dalam blog ( <a href="http://www.shia-explained.com./my">http://www.shia-explained.com./my</a> ), facebook ( <i>Syiah in Malaysia</i> ), page (" <i>Menjawab Membongkar Syiah &amp; Iran</i> ") dan <i>YouTube</i> , mendedahkan orang Melayu dengan fahaman Syiah.
30. <b>JATUH CINTA</b>	<b>Jatuh cinta dengan pasangan yang menganut ajaran Syiah</b>
	Perasaan yang dibutakan oleh cinta dan sikap ibu bapa yang memberi kebebasan sepenuhnya kepada anak-anak mereka memilih jodoh, sebahagiannya boleh menjebakkan seseorang individu berkahwin dengan pengikut fahaman Syiah malah sanggup melayari kehidupan berumahtangga meskipun mengetahui pasangannya berpegang pada fahaman Syiah.
31. <b>KERJAYA POLITIK</b>	<b>Terpengaruh ketika mempelajari politik di Iran</b>
	Beberapa pemimpin politik tanah air pro Islam pergi ke Iran atas undangan pemimpin Iran yang secara tidak langsung mereka diperkenalkan kepada barisan kepimpinan ulama Syiah. Sikap ketaksuban orang Melayu dalam berpolitik sedikit terpalit dengan cara barisan Iran menerajui kepimpinan yang mereka anggap sebuah model negara

Islam.

**32. HAUZAH**

**Kewujudan hauzah menjadi medium 'pemikat' kepada mereka yang tiada pengetahuan tentang Syiah**

Wujudnya sebahagian pusat tahfiz dan sekolah agama di beberapa negeri termasuk Perak dan Johor yang dipergunakan untuk menyebarkan pengaruh fahaman Syiah.

---



## MENGAPA ORANG ARAB SUKA KEPADA SYIAH?

BIL.	SEBAB	ULASAN
1.	<b>TERPENGARUH DENGAN SLOGAN</b>	<p><b>Terpengaruh dengan slogan yang diperjuangkan oleh penganut Syiah</b></p> <p>Slogan Syiah adalah "Cinta dan Membela Ahlul Bait" iaitu mengagung dan mensucikan serta mengangkat Ahlul Bait ke darjat tertinggi seolah-olah Syiah adalah fahaman yang benar-benar penyelamat Ahlul Bait.</p>
2.	<b>MUT'AH</b>	<p><b>Disogokkan dengan kehidupan bermut'ah</b></p> <p>Amalan mut'ah dalam Syiah dianggap suatu yang mulia dan amat besar ganjarannya. Kenyataan ini hanya terkandung di dalam kitab-kitab pegangan Syiah, antaranya:</p> <p><i>"Barangsiapa melakukan mut'ah sekali dimerdekakan sepertiganya dari apineraka, barangsiapa melakukan mut'ah dua kali dimerdekakan dua pertiganya daripada api neraka dan barangsiapa yang melakukan mut'ah tiga kali dimerdekakan total dirinya dari neraka."</i></p> <p>(Sumber: <i>Tafsir Minhajus Shadiqin</i> oleh Fathullah Al-Kasyani)</p>
3.	<b>DENDAM</b>	<p><b>Menganut ajaran Syiah disebabkan dendam terhadap kabilah tertentu yang menganut Islam</b></p> <p>Masyarakat Yaman contohnya sangat kental dengan kekabilahan. Sebab itu Syiah Houthi mendapat banyak sokongan daripada tokoh-tokoh kabilahnya yang menjadi golongan penentang di Dewan Perwakilan</p>

yang menentang dan mengkritik pendapat atau kebijaksanaan politik golongan yang berkuasa di kalangan Sunni.

#### **4. JANJI KHUMUS**

##### **Dijanjakan dengan pemberian wang dari *khumus***

Para penganut Syiah dijanjakan wang *khumus* yang wajib dibayar tanpa dikurangi walau satu sen pun oleh organisasi Syiah kepada ketua-ketua kabilah Arab sekiranya mereka menerima Syiah.

#### **5. TERIKAT**

##### **Terikat dengan perjanjian sesama kabilah**

Yaman merupakan negara yang masyarakatnya sangat kental dengan kekabilahan. Pengaruh suku dan kabilah masih dijunjungtinggi oleh masyarakat tersebut. Syiah Houthi mendapat banyak sokongan daripada tokoh-tokoh kabilah.

#### **6. EKONOMI**

##### **Menerima ajaran Syiah disebabkan kemiskinan**

Disebabkan kegagalan pemerintah Yaman untuk membasmi kemiskinan penduduk dan kejayaan Syiah Houthi memajukan ekonomi, sosial dan infrastruktur serta pembangunan rakyat Yaman menyebabkan Syiah mendapat kepercayaan masyarakat tempatan.

#### **7. PAKSAAN**

##### **Memaksa penduduk setempat menerima ajaran Syiah**

Ismail Syah ash-Shafawi seorang Syiah fanatik Iran, telah memaksa dengan mewajibkan semua warganegara Iran mengubah keyakinan mereka kepada ajaran Syiah Itsna 'Asyari.

---

**8. ANCAMAN BUNUH**      **Mengancam bunuh mereka yang tidak menerima ajaran Syiah**

Hampir satu juta kaum Muslim Sunni yang menetap di Iran telah dibunuh dan para ulama Sunni juga telah disiksa dengan cara dibakar hidup-hidup kerana menolak fahaman Syiah.

**9. TERPEDAYA DENGAN SIKAP BERMUKA-MUKA**      **Terpengaruh dengan jiran yang menganut ajaran Syiah**

Para penganut Syiah sangat pandai bermuka-muka serta pandai mengambil hati masyarakat di sekelilingnya kerana *taqiyyah* adalah satu kewajiban bagi mereka apabila berbual dengan penganut Sunni.

**10. DIPERBODOHKAN**      **Diperbodoihkan oleh penganut Syiah dengan memburuk-burukkan Ahli Sunnah Wal Jamaah**

Mendakwa fahaman ASWJ gagal dalam banyak perkara berbanding Syiah yang terus terbukti mampu melahirkan Negara Islam Iran, menguasai ekonomi (minyak), teknologi, falsafah dan pelbagai bidang lain.

**11. PERKAHWINAN**      **Terpaksa mengikut ajaran pasangan**

Kecantikan yang dimiliki oleh lelaki dan wanita Iran, sedikit sebanyak telah menyumbang kepada penyebaran Syiah apabila pasangan terpaksa mengikut pasangannya selepas berkahwin.

---

**12. TAKSUB****Taksub dengan keterampilan pemimpin Syiah**

Kepemimpinan Khomeini sebagai pemimpin Revolusi Iran yang berjaya menumbangkan kerajaan yang sebelumnya telah membangkitkan bendera ideologi Islam ke pentas dunia sekaligus memperkenalkan Syiah kepada masyarakat Arab yang lain.

**13. PRAKTIKAL DENGAN KEADAAN SEMASA****Memudah-mudahkan ibadat**

Ajaran Syiah yang mengharuskan Solat Jamak dalam semua keadaan berjaya menarik minat sebahagian masyarakat Arab kerana mereka merasakan ia lebih memudahkan.

**14. KEPENTINGAN POLITIK****Terpangaruh dengan Syiah demi mempertahankan kedudukan politik**

Pemimpin Syria bertindak melindungi serta memberikan kewarganegaraan kepada pendatang Syiah daripada Iran dan Iraq serta bersekutu dengan Iran untuk mendapatkan bantuan ketenteraan, ekonomi dan sebagainya bagi menjatuhkan golongan Sunni demi untuk kepentingan politiknya.

**15. PEMBELA AHLUL BAIT****Dakyah Syiah yang mendakwa mereka adalah pembela Ahlul Bait yang teraniaya**

Konsep 'Ahlul Bait' yang menjadi tulang belakang ideologi Syiah pada masa kini, dianggap amat menarik, sehingga berjaya menambat kepercayaan masyarakat atau seseorang individu untuk menerima fahaman Syiah.

---

**16. JATUH CINTA****Jatuh cinta dengan penganut Syiah**

Jatuh cinta dengan pemuda atau pemudi Syiah yang dikenalnya sama ada diperkenalkan melalui orang tengah ataupun perkenalan melalui jaringan sosial tanpa sempadan.

**17. PENDIDIKAN****Disogok dengan biasiswa**

Para pelajar yang berminat untuk melanjutkan pengajian ke Mustafa International University, Qom, Iran mendapat tawaran biasiswa daripada pemimpin atau Kerajaan Iran.

**18. TERJEBAK****Terjebak dengan dakwah Syiah tanpa disedari**

Para pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Mustafa International University, Qom, Iran terjebak dengan fahaman Sy'iah tanpa mereka sedari.

**19. KETURUNAN****Dilahirkan dalam keluarga pengamal ajaran Syiah**

Fahaman Syiah yang diwarisi sejak nenek moyang turun-temurun.

**20. TERHUTANG BUDI****Iran banyak memberi banyak bantuan kepada mereka yang mendukung ajaran Syiah Houti**

Negara Iran telah banyak memberikan bantuan dan sokongan kepada orang-orang Houthi di Yaman untuk menjatuhkan pemerintah Yaman yang berfahaman Sunni.

**21. TERPIKAT DENGAN PENAMPILAN**

Terpesona dengan penampilan dari sudut keperibadian pengikut Syiah.

---

<b>KEPERIBADIAN</b>	<i>Taqiyyah</i> golongan Syiah bukan sahaja melalui lisan, malah juga dari segi penampilan keperibadian dalam menyesuaikan diri dengan adat resam masyarakat setempat.
22. <b>TERPEDAYA</b>	<p><b>Terpedaya dengan budaya hidup Syiah yang kononnya lebih Islamik</b></p> <p>Syiah banyak menonjolkan para pemimpin dan ilmuwan mereka seperti Khomeini, Hasan Nasrallah dan sering merujuk serta mengangkat Iran sebagai sebuah Negara Islam.</p>
23. <b>TERTEWAS DENGAN HUJAH</b>	<p><b>Tertewas dengan hujah penganut Syiah</b></p> <p>Kelicikan melakukan tipu daya serta kepetahan para pendakwah Syiah dalam menyampaikan segala hujah berjaya menambat hati masyarakat Arab.</p>
24. <b>TERPENGARUH</b>	<p><b>Terpengaruh dengan ajakan kawan</b></p> <p>Syiah sering mengumpun sesiapa sahaja dengan hukum agama mengikut acuan fahaman Syiah.</p>
25. <b>CETEK ILMU</b>	<p><b>Cetek ilmu tentang ajaran Syiah yang sebenar</b></p> <p>Ramai umat Islam tidak mengetahui tentang Syiah dan sejarah kemunculan Syiah dari dahulu sehingga kini. Kejahilan dan keketekan ilmu ini membantu Syiah untuk terus berkembang.</p>
26. <b>LICIK</b>	<p><b>Puak Syiah licik dalam menyebarkan pengaruh</b></p> <p>Kelicikan Syiah melebarkan pengaruhnya dengan banyak menonjolkan imam-imam mereka melalui pelbagai slogan seperti, <i>“Saya tidak bercakap tentang</i></p>

---

*aqidah Khomeini, saya bercakap tentang revolusi yang dibawanya yang perlu kita contohi, perjuangan Hasan Nasrullah, Hizbullah. Hasan Nasrallah pejuang Islam, penentang Israel.”*

**27. KELIRU**

**Keliru dalam menilai kesesatan ajaran Syiah**

Terkeliru dengan fatwa-fatwa yang dikeluarkan, seperti fatwa oleh Dr. Ahmad Al-Tayyib dari Universiti Al-Azhar, pusat pengajian tertua beraliran Sunnah, memfatwakan Syiah tidak sesat dan adalah mazhab sah di kalangan umat Islam. Kira-kira 50 tahun yang lalu, fatwa yang sama juga dikeluarkan oleh Canselor Al-Azhar, Dr. Mahmud Shaltut. Kekeliruan tersebut membolehkan Syiah terus diterima.

**28. LOGIK AKAL**

**Menggunakan hujah logik untuk mengaburi mata orang awam**

Kalimah ‘Syiah’ yang terdapat di dalam al-Qur’an menerusi Surah al-Qasas ayat 15, dijadikan sebagai salah satu hujah logik akal oleh Syiah untuk membuktikan kebenaran mereka.

**29. TAQIYYAH**

**Tertipu dengan penganut Syiah yang bertaqiyah**

Syiah pandai berpura-pura melakukan sesuatu yang bersesuaian dengan aturan syari’ah demi untuk kepentingan mereka sendiri.

**30. PENGARUH  
MASYARAKAT**

**Hidup dalam masyarakat Syiah**

Nasib penduduk Sunni yang tinggal di Lubnan Selatan yang majoritinya adalah Syiah, telah menyekat aktiviti

---

penyebaran Sunni di kawasan tersebut.

**31. ISU ANTARABANGSA    Syiah menggunakan isu selamatkan Palestin**

Sikap Syiah mencanang ambil peduli isu Palestin sebagai satu isu penting dan bertindak seolah-olah sebagai adiwira (*super hero*) hanyalah bertujuan untuk menipu dunia Islam dan kaum Muslimin.

**32. HIBURAN                    Terpesona dan terikat dengan hidangan hiburan**

Pemuda-pemudi yang jiwanya kosong daripada didikan Islam mudah terpedaya dan terpesona dengan hiburan yang mereka nikmati tanpa mereka sedari yang mereka sedang diperdaya dan diumpan.

---



## BEBERAPA PENYELEWENGAN FAHAMAN SYIAH

### A. Penyelewengan Syiah Dari Sudut Aqidah

#### 1. Menyekutukan Allah dengan menyatakan bahawa imam mereka:

- Menguasai bumi dan akhirat serta berkuasa untuk melakukan apa sahaja bukan sahaja di bumi bahkan berkuasa ke atas bumi secara keseluruhannya.
- Menghalal dan mengharamkan apa-apa yang mereka kehendaki dan mendakwa mereka tidak mengkehendaki melainkan apa-apa yang dikehendaki oleh Allah.
- Mempunyai sifat dan menisbahkan sifat yang hanya ada pada Allah kepada manusia iaitu para imam mereka sehingga segala ilmu yang ada pada Allah juga ada pada diri imam mereka.

#### 2. Meletakkan sifat *al-Bada'* kepada Allah

- Mengatakan ilmu Allah berubah-ubah mengikut sesuatu peristiwa yang berlaku kepada manusia dan menisbahkan Allah dengan sifat yang mustahil bagiNya di mana mendakwa Allah tidak mengetahui tentang perkara yang sedang berlaku dan apa yang akan berlaku selepas itu, dan apabila telah berlaku sesuatu perkara dan Allah mengetahuinya, maka Allah mengubah semula pendapat sebelumnya, lalu timbulkan pendapat baharu berdasarkan suasana dan keadaan yang baharu.

#### 3. Memegang prinsip *al-Imamat (al-Wasi)*

- Menyatakan jawatan khalifah diwasiatkan secara nas dengan mendakwa hak memerintah setelah Nabi Muhammad adalah milik Sayyidina Ali dan keturunannya daripada zuriat Sayyidatina Fatimah.
- Mempertahankan pandangan bahawa pelantikan Sayyidina Ali adalah pemilihan daripada Allah yang dinaqalkan oleh Nabi SAW.
- Menyatakan tiada konsep syura dalam pemerintahan Islam dan berpandangan bahawa konsep syura yang digunakan dalam pemilihan Sayyidina Abu Bakar RA setelah kewafatan Nabi adalah tidak sah. Malah, ianya bersalahan dengan konsep syura yang selalu disebut Sunni dalam agama Islam. Mereka juga menentang pemilihan Saiyydina Umar RA dan Sayyidina Uthman RA dengan mengatakan bahawa kedua mereka ini dipilih bukan melalui pemilihan syura, malah ianya ditentukan oleh khalifah sebelumnya sehingga Sayyidina Ali RA terpaksa mendiamkan diri demi menjaga kemaslahatan umat daripada berpecah pada ketika itu.

#### 4. Menganggap para imam mereka ma'sum dan lebih mulia daripada Nabi

- Mendakwa imam mereka bersifat ma'sum daripada dosa-dosa besar dan kecil seperti para Nabi dan Rasul dan juga menerima wahyu.

## 5. Mengemukakan teori *al-Raj'ah*

- Memegang pendapat bahawa Allah SWT akan mengembalikan Nabi Muhammad SAW, Sayyidina Ali, al-Hasan, al-Husain dan beberapa imam mereka yang lain serta musuh-musuh mereka seperti Sayyidina Abu Bakar, Sayyidina Umar, Sayyidina Uthman, Muawiyah ke dunia setelah kedatangan al-Mahdi. Malah, mereka menyatakan bahawa Sayyidina Abu Bakar dan Sayyidina Umar akan disalib pada zaman pemerintahan al-Mahdi.

## 6. Mendakwa al-Qur'an telah diubah suai dan disunting oleh para Sahabat

- Mendakwa al-Qur'an yang ada telah diubah dan ditukar serta ayatnya telah dikurang dan ditambah.
- Mengubah ayat-ayat al-Qur'an mengikut tafsiran Syiah.
- Mengatakan al-Qur'an yang ada masih belum lengkap di mana bagi mereka sepatutnya dua kali ganda lebih tebal daripada al-Qur'an yang menjadi pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- Mendakwa hanya Sayyidina Ali dan para imam Syiah sahaja yang menghafal dan menghimpun al-Qur'an dengan sempurna.

## 7. Mengkafirkan para Sahabat Rasulullah SAW

## 8. Menetapkan *at-taqiyyah* sebagai satu cabang Rukun Iman

- Menganggap *at-taqiyyah* sebagai sebahagian daripada agama dan seseorang itu dianggap tidak beriman jika tidak mengamalkan *at-taqiyyah*.

## 9. Menetapkan konsep *Walayah* (Imam 12)

- Menetapkan Rukun Islam pertama adalah *walayah* (Imam 12). Maka, jika ada yang tidak percaya dengan salah seorang daripada Imam 12 maka jatuh kafir.

## 10. Menolak hadis yang diriwayatkan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah sekalipun hadis mutawatir

## 11. Menambah syahadah

## 12. Memerangi Ahli Sunnah Wal Jamaah

## B. Penyelewengan Syiah Dari Sudut Syari'at

1. Menolak *ijma'* ulama

2. Menolak *qias*

3. Menghalalkan nikah *mut'ah*

4. Menolak *aul* dan mendahulukan *qurabah* daripada *asabah* dalam masalah pusaka

5. Menuduh Sayyidina Abu Bakar, Sayyidina Umar, Sayyidina Uthman dan Muawiyah sebagai empat berhala Quraisy serta pengikut-pengikut mereka adalah musuh Allah

6. Menganggap hanya Sayyidina Ali menghimpun al-Qur'an dengan sempurna

7. Menghina dan memfitnah Rasulullah SAW dengan para Sahabat

- Menghina dan memfitnah dengan menyatakan Rasulullah SAW dan Sayyidina Ali akan membai'ah Imam Mahdi.
- Menyatakan Imam Mahdi akan muncul dalam keadaan bertelanjang.
- Mendustakan kata-kata Rasulullah tentang martabat darjat orang yang bermut'ah.

8. Merayakan amalan-amalan Syiah pada 10 Muharram

9. Menunaikan solat secara Syiah

- Mengharuskan Solat Jamak dalam semua keadaan.
- Menyatakan bahawa Solat Dhuha sebagai bida'ah dan haram dikerjakan.
- Mewajibkan menyapu kedua-dua kaki dan tidak memadai basuh pada kedua-duanya.

10. Menunaikan puasa secara Syiah

### C. Penyelewengan Syiah Dari Sudut Amalan/Umum

1. Menetapkan hukum harus meminjamkan faraj
  2. Menetapkan prinsip *khumus* (1/5) sebagai kadar zakat
  3. Memutuskan bahawa Islam bukan sebagai syarat wajibnya haji
  4. Membolehkan perlakuan liwat
  5. Menulis pada kain kafan mayat
  6. Membaca talqin tetapi dengan menyebut Imam 12
  7. Meletakkan gambar Imam 12 di dalam rumah yang mana kebiasaannya ditempatkan di dalam bilik
  8. Mengharuskan *bertaqiyah* iaitu menipu dan berpura-pura untuk menarik Ahli Sunnah Wal Jamaah menyertai Syiah
  9. Mengaku sebagai pengikut Ahlul Bait Nabi
  10. Mempercayai ganjaran syurga dengan menziarahi kubur Sayyidina Husain
  11. Menyebut kalimah imam-imam mereka lebih banyak daripada menyebut kalimah Allah ketika ditimpa musibah
  12. Memaki hamun dan mencela para Sahabat dan isteri-isteri Nabi SAW
  13. Mencela imam-imam sunnah empat mazhab seperti Imam Hanafi, Imam Maliki, Imam Syafie dan Imam Hanbali dan imam-imam hadis yang lain seperti Imam Bukhari dan Imam Muslim
  14. Melarang seorang Syiah diberikan nama atau dipanggil dengan nama Abu Bakar, Umar, Uthman, Muawiyah dan Aisyah
  15. Menunjukkan kesedihan pada Hari Asyura tetapi tidak berpuasa pada hari tersebut
- Memperingati hari-hari peringatan seperti peristiwa terbunuhnya Sayyidina Ali bin Abi Talib dan peringatan terbunuhnya Sayyidina Husain bin Ali dengan melakukan upacara-upacara yang menunjukkan kesedihan mereka terhadap musibah-musibah yang menimpa Ahlul Bait dengan menyeksa tubuh badan.

## **KONFLIK PELBAGAI KUMPULAN SYIAH**

Aliran Syiah mengandungi beberapa fahaman yang berlawanan dengan pendirian Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ). Fahaman ini yang bersangkutan paut dengan aqidah ini sudah mula menular di Malaysia kita dan turut menimpa umat Melayu-Islam. Perkara ini, seperti juga di negara lain, menjadi ketara selepas Revolusi Iran berlaku pada tahun 1979 dengan kepulangan Ayatollah Khomeini ke negara itu dari Perancis. Sebelum itu, kebanyakan daripada kita di Malaysia mengenali Syiah melalui pelajaran dalam kelas agama di bangku sekolah. Maklumat yang disampaikan kepada kita ini tidak melebihi satu muka surat. Ini kerana pada ketika itu negara kita tidak menghadapi apa-apa ancaman daripada pihak Syiah.

Walau bagaimanapun, Revolusi Iran telah mendatangkan minat mengenai aliran Syiah di seluruh dunia, termasuk negara kita. Ini disebabkan berdekad-dekad lamanya negara Islam di seluruh dunia tidak putus-putus dikuasai oleh negara Barat serta kuasa-kuasa besar dan apabila Iran menahan anggota kerja kedutaan Amerika Syarikat, orang ramai melihatnya sebagai satu tanda pembangunan Islam melawan Barat secara terbuka dan retorik Syiah juga begitu lantang, deras dan berani terhadap Barat. Ini telah menaikkan semangat orang Islam dan orang ramai mula tertanya-tanya apakah Syiah itu dan apakah ajaran dan pendiriannya mengenai Islam. Dalam jangka masa yang begitu singkat, Iran telah menyebarkan ideologinya melalui tulisan, terjemahan dan persidangan sama ada di dalam negara mahupun di luar negaranya. Di Amerika Syarikat, mereka mengadakan persidangan Anjuman pada setiap tahun dan kata laungannya ialah, "Penyatuan Sunni dan Syiah". Persidangan ini biasa dinaungi sepenuhnya oleh mereka; pelajar diberikan penginapan, bantuan perjalanan dan makanan. Buku-buku diberikan secara percuma kepada semua dan usaha ini membawa kepada penerimaan mazhab ini dengan lebih mudah dan terbuka. Kebanyakan pengaruh Syiah di luar negara bermula dengan cara ini.

Kajian oleh ahli akademik di negara ini juga mendatangkan minat. Beberapa universiti tempatan secara terang-terangan menyokong Syiah. Tarikan kepada mazhab ini berpunca daripada kekuatan hujah rasionalnya berkenaan pelbagai isu, lebih-lebih lagi sejarah Islam dan masalah pemilihan pemimpin selepas wafatnya Rasulullah SAW. Mereka menggunakan hadis-hadis Sunni untuk menguatkan hujah mereka, termasuk kedudukan istimewa Ali dalam Islam.

Antara golongan yang paling terpengaruh dengan Syiah ialah dari golongan Sayyid dan Syarifah. Hujah yang digunakan oleh penganut Syiah adalah mazhab Syiah ialah mazhab Ahlul Bait. Maka, Sayyid dan Syarifah secara semula jadi seharusnya memilih dan mengikut mazhab ini. Ini merupakan satu hujah yang kuat yang dapat memujuk dan memuaskan ego dan sentimen keluarga Rasulullah SAW. Dalam Syiah seorang Sayyid memakai serban hitam dan yang bukan Sayyid berserban putih. Keluarga Rasulullah menduduki satu tempat yang khas dan tinggi antara orang Syiah dan perhatian yang khas ini telah mempengaruhi ramai daripada golongan Sayyid dan Syarifah di negara ini.

Kita sudah ketahui pelbagai perkara mengenai Syiah dalam jangka masa yang pendek di Malaysia, terutamanya konsep sembahyang lima waktu dalam tiga masa, sembahyang di atas *turbat* (batu yang dibuat daripada tanah dari Karbala), mut'ah, *khums*, azan yang berbeza, kepercayaan kepada dua belas imam, dan perkara-perkara lain. Namun, tidak ramai yang ketahui antara Syiah juga terdapat pendapat yang berbeza dan pelbagai mazhab yang mempunyai perbezaan yang ketara. Antara mazhab yang kita selalu mendengar ialah Ithna Ashari, yang juga dikenali dengan nama Ja'fari, Zaidi, Ismaili dan Alawi. Walaupun ini adalah satu cara yang baik untuk mengenali golongan Syiah, ada juga beberapa cara lain yang boleh digunakan untuk membahagikan mereka. Sebelum kita membincang perkara itu, mari kita lihat secara ringkas pegangan golongan-golongan yang kita sebut tadi.

Ithna Ashari merupakan golongan Syiah yang terbesar di dunia. Seperti yang kita fahami daripada namanya, ia adalah golongan yang mempercayai ada dua belas Imam dalam mazhab ini yang bermula dengan Saiyyidina Ali dan berakhir dengan Imam Mahdi yang ghaib. Kesemuanya, termasuk Fatimah dan Muhammad, iaitu, bilangan empat belas ini,

dianggap ma'sum. Kedudukan mereka lebih tinggi daripada Rasul-Rasul lain. Pada masa Imam Mahdi ghaib dan tidak dikenali orang, iaitu, zaman sekarang, mereka menganggap wakilnya di bumi ini mempunyai hubungan dengan Imam Mahdi. Ramai orang sehingga hari ini mempercayai Ayatollah Khomeini secara berterus berhubung dengan Imam Mahdi. Sebelum Ayatollah Khomeini muncul, sesiapa yang digelar *marjai taqlid*, iaitu orang yang mempunyai ilmu yang paling tinggi dalam Islam pada suatu masa, dipertanggungjawabkan untuk memberi fatwa pelbagai isu. Dengan cara ini, individu ini menjaga kesucian agama ini. Pada zaman Ayatollah Khomeini kedudukan ini dipegang oleh beliau kerana beliau ketua *dars al khaarij*, institusi pelajaran tertinggi dalam sistem pelajaran Syiah. Oleh sebab Ayatollah Khomeini hidup sehingga usia 92 tahun, beliau menjadi guru kepada pelajar-pelajar terkemuka di dunia Syiah. Maka, tiada orang yang dianggap lebih berpengetahuan daripada beliau mengenai pelbagai isu. Kedudukan ini tidak dipertikaikan. Selepas pemergian beliau, Ayatollah Gulpaygani mengambil tempatnya. Gulpaygani juga mempunyai kedudukan ini tanpa diragui orang kerana pengetahuannya mengenai pelbagai isu sangat meluas dan mendalam. Selepas kepulangan Ayatollah Khomeini ke Iran, beliau memberikan tanggungjawab *wilayatul faqih* kepada *marjai taqlid*. *Wilayatul faqih* dianggap wakil kepada Imam Mahdi dan menjadi pemimpin terunggul mazhab Syiah. Secara kesimpulannya, *marjai taqlid* ialah orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang paling tinggi pada satu-satu masa, dan *wilayatul faqih* ialah ketua negara. Sama ada seseorang yang menjadi *wilayatul faqih* perlu menjadi *marjai taqlid*, ia perkara ikhtilaf di kalangan cendekiawan Syiah. Perdebatan ini telah menyebabkan Perlembagaan Iran ditukar dalam sejarah Iran moden untuk mencerminkan pendapat pada satu-satu masa.

Golongan Zaidi pula yang mempunyai majoriti di Yaman dianggap mazhab yang paling dekat dengan *Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Mereka percaya kepada lima Imam tetapi tidak percaya yang mereka itu ma'sum. Perlu disebut di sini Zaidi adalah daripada aliran yang sama daripada Ithna Ashaari, tetapi pada abad kelapan berlaku perselisihan antara dua puak di mana satu pihak berpendapat mereka harus memerangi dan membalas dendam atas apa yang berlaku di Karbala dan satu pihak lain pula mengatakan mereka harus menguatkan kedudukan mereka sebelum memerangi pihak Umayyah. Pihak Zaidi, iaitu nama yang diambil daripada Imam kelima, iaitu cucu kepada Sayyidina Husain, gugur

semasa berperang dengan Umayyah. Golongan Zaidi menganggap kewafatan ini yang kedua terpenting selepas kesyahidan Sayyidina Husain. Mereka memang daripada dahulu lagi bersikap militan dan akan melawan untuk hak mereka seperti apa yang berlaku di Yaman dengan puak Houthi. Mereka juga percaya hanya keluarga Rasulullah sahaja harus memimpin. Imam Muhammad Baqir, yang mengetuai kumpulan yang satu lagi, menyambung talian Ithna Ashari yang digelar juga dengan nama Ja'fari selepas anaknya, Ja'far As-Sadiq, mengeluarkan pelbagai ajaran dan buku yang mengikut pengikut mereka, mengukuhkan mazhab itu.

Kumpulan Ismaili wujud selepas berlakunya perselisihan mengenai siapa yang harus menjadi Imam seterusnya daripada zuriat Imam Ja'far as-Sadiq. Pihak Ithna Ashari mengikut Musa al-Kazim dan pihak Ismaili mengikut Imam Ismail. Daripada aliran inilah datangnya Dinasti Fatimi yang dimulakan oleh Muhammad al-Mahdi. Penekanan Ismaili adalah bersifat batin. Maka, banyaklah tarekat yang muncul daripadanya. Pada suatu masa, aliran ini mempunyai pengikut yang paling ramai. Disebabkan wujud perbezaan antara tarekat-tarekatnya, maka yang kita kenali pada masa ini adalah Ismaili Aga Khan yang mempercayai mazhab mereka mempunyai Imam secara tidak putus daripada Rasulullah. Aga Khan pada zaman ini merupakan Imam yang ke-49. Mereka adalah golongan Ismaili terbesar zaman ini. Pihak Orientalis banyak mengkaji mereka pada kebelakangan ini, mungkin disebabkan pihak Ismaili kaya raya dan dapat membiayai pelbagai pengajian di universiti dan institusi terkemuka di dunia. Mereka mendirikan kerusi pengajian di Harvard, Hartford Seminary dan pelbagai universiti terkemuka.

Golongan Alawi merupakan kumpulan yang paling rumit untuk didefinisikan. Ini kerana mereka merahsiakan kepercayaan mereka sehingga tidak banyak diketahui. Apa yang ada berupa maklumat yang bercanggah. Apa yang pasti, kedudukan Ali, Muhammad dan Salman Al-Farasi begitu tinggi sehingga roh atau cahaya Ali dan Muhammad dianggap adalah dari satu sumber. Ada yang mengatakan yang golongan Alawi mentuhankan Ali. Ini terdapat dalam banyak risalah. Namun, ada yang menidakkannya. Mereka juga dikenal dengan nama Nusayri, tetapi penggunaan perkataan ini membawa maksud yang kurang menyenangkan bagi mereka. Perbezaan besar antara mereka dan Ithna Ashari adalah Ithna



Ashari menekankan interpretasi agama secara zahir pada permulaan sejarahnya, sementara Ismaili hanya menumpukan kepada aspek batin. Lama-kelamaan, golongan Syiah juga menuju ke arah mengkaji kebatinan.

Disebabkan ini, satu lagi perpecahan besar berlaku di kalangan Ithna Ashari, iaitu, *Akhbari* dan *Usuli*. Seperti disebut sebelum ini, pergerakan fahaman *Akhbari* wujud dari dulu lagi. Pengikut *Akhbari* melihat isu-isu secara zahir dan harfiah dengan mengikut apa yang ada di dalam al-Qur'an, al-Hadis dan Imam-Imam mereka. Qias dan ijtihad ditolak terus. Mereka berpendirian bahawa Imam-Imam tidak pernah menggunakan cara-cara ini untuk menyelesaikan masalah. Pergerakan ini berleluasa pada penghujung Kerajaan Safavi. Secara ironik, golongan *Akhbari* ini adalah *Salafi* dalam Syiah. Lawannya pula, gerakkan *Usuli*; mereka berpegang kepada ijtihad dengan menggunakan al-Qur'an, al-Hadis daripada Rasulullah dan daripada imam ma'sum mereka dan juga ijma' dan akal. Perkataan *Usuli* datang daripada *usul-al-fiqh*. Lambat laun, pihak *Usuli* telah mengatasi pihak *Akhbari* dan sama sekali memusnahkan kewujudan mereka beberapa ratus tahun yang lalu. Namun, pengikut *Akhbari* wujud di beberapa buah negara dalam bilangan yang kecil.

Secara rambang, kita boleh mengatakan perpecahan Syiah kepada Ithna Ashari, Zaidi serta Ismaili dan beberapa mazhab lain yang akan dibincang kelak adalah berunsur perbezaan yang timbul mengenai penentuan imam, dan perpecahan dan perbalahan yang berlaku antara pihak *Akhbari* dan pihak *Usuli* adalah daripada sudut falsafah.

Terdapat kajian yang mengatakan ada lebih daripada 70 pecahan Syiah. Dalam buku Allamah Sharistani beliau memberi rumusan mengenai pelbagai mazhab Syiah; kebanyakannya sudah tidak wujud lagi. Dari satu sudut, kita dapat lihat mendewakan manusia dan mentuhankan manusia menjadi satu aspek yang ketara dalam golongan Syiah. Mereka begitu ta'assub dengan pegangan mereka dan taat setia mereka kepada individu. Mazhab Syiah yang bersikap keterlaluan seperti ini banyak yang telah pupus; namun sikap emosi dan bertaklid masih menjadi satu aspek mazhab ini yang tidak dapat dikikis. Antara mazhab-mazhab yang ekstrem adalah:

1.

- Golongan yang dimasukkan dalam kelompok *Ghulat*

2.

- Golongan yang dimasukkan dalam kelompok *Zaidi*

3.

- Golongan yang dimasukkan dalam kelompok *Imami*

4.

- Golongan yang dimasukkan dalam kelompok *Ismaili*

Golongan yang dimasukkan dalam kelompok <i>Ghulat</i>	<i>Bazighiyyah</i> percaya bahawa Ja'far al-Sadiq adalah Tuhan.
	<i>Dhamiyyah</i> percaya Ali adalah Tuhan dan Muhammad Rasulnya.
	<i>Kaysaniyyah</i> percaya bahawa Muhammad al-Hanafiyyah seharusnya menjadi pengganti Husain.
Golongan yang dimasukkan dalam kelompok <i>Zaidi</i>	<i>Dukayniyyah</i> : Golongan yang percaya semua pengikut Rasulullah kufur kerana tidak mengangkat Ali menjadi pemimpin.
	<i>Jarudiyyah</i> : Golongan yang percaya bahawa pengikut Rasulullah berdosa kerana tidak memilih Ali.
	<i>Khasabiyyah</i> : Golongan yang percaya pemimpin harus daripada Hassan atau Husain.
Golongan yang dimasukkan dalam kelompok <i>Imami</i>	<i>Aftahiyyah</i> : Golongan yang percaya bahawa Abdullah al-Aftah patut mewarisi Ja'far al-Sadiq.
	<i>Muhammadiyyah</i> : Golongan yang percaya Muhammad Al-Hadi adalah imam yang ke-11 dan bukannya Hasan al-Askari.
	<i>Tasuwwiyyah</i> : Golongan yang percaya Ja'far al-Sadiq adalah Mahdi dan beliau tidak meninggal dunia.
	<i>Waqifiyyah</i> : Mereka yang percaya Musa al-Kazim adalah imam tetapi bukan Ali al-Ridha.
Golongan yang dimasukkan dalam kelompok <i>Ismaili</i>	<i>Hafiziyyah</i> : Mereka yang percaya pemimpin Dinasti Fatimi Hafiz adalah imam bagi zaman itu.
	<i>Karmaniyyah</i> : Mereka yang percaya kehidupan kita akan berulang sebagai satu putaran yang tidak kehabisan.

Kebanyakan pendapat Syiah bercampur aduk dengan falsafah dan ajaran agama lain yang bawa kepada kekeliruan. Ada ajaran yang diambil daripada agama Hindu, Kristian dan Yahudi. Ada yang mempercayai bahawa sekiranya seseorang tidak melakukan perkara baik di dunia, dia akan dihidupkan sebagai binatang. Ini adalah satu pendirian kaum Alawi dan sangat bermirip agama Hindu. Ada pula yang mengatakan Ali, Muhammad dan Salman adalah tiga aspek dalam satu ketuhanan. Kepercayaan ini pula mirip pada agama Kristian.

Maka, tidaklah hairanlah bahawa mazhab Syiah Imami mempunyai pengikut yang begitu terbuka dengan pendapat yang bersifat asing dan merangkumi perkara yang jauh daripada aqidah, seperti kesatuan semua agama ditahap metafizika. Sejarah mereka menunjukkan pernah ada usaha untuk mengambil ciri-ciri agama lain untuk disatukan untuk menjadi satu agama yang baharu. Ini tidak berbeza daripada *dinilahi* Maharaja Akbar.

Jurang perbezaan antara mazhab-mazhab Syiah begitu jauh jika dibandingkan dengan perbezaan antara mazhab Sunni. Mereka juga begitu ta'assub dengan kepercayaan mereka. Tidak pasti sama ada ini disebabkan perwatakan orang yang menganuti mazhab ini atau sebab kepercayaan mereka terhadap mazhab mereka.

Walaupun jurang perbezaan antara mazhab ini sangat ketara, namun mereka bantu membantu meskipun sekiranya mereka tidak sehaluan. Ini ternyata dengan bantuan yang diberi oleh Iran kepada pihak Houthi dari Zaidi di Yaman dan juga kepada Alawi di Syria.

Kajian juga menunjukkan ramai di kalangan pengikut Syiah yang tidak tahu akan perpecahan yang berada dalam mazhab ini dan perpecahan yang wujud pada masa lampau yang begitu banyak sehingga adanya berpuluh-puluh mazhab yang saling berganti. Daripada Safavid ke Fatimid, aliran fikiran berlainan memerintah serta mempunyai dasar kepercayaan yang sangat berbeza. Apa yang perlu ditekankan di sini adalah pendapat dan pendirian yang dilaungkan oleh pihak Syiah bahawa mereka bersatu haluan dan bersatu hati adalah tidak betul. Perselisihan pemikiran mereka sangat jelas dan retorik yang mengatakan mereka senang bersatu dan tidak berpecah belah seperti orang Sunni tidak benar. Mereka bukan bergerak dan bernaung di bawah satu payung atau satu pemimpin.

Ini adalah perkara yang harus diketengahkan dan harus diperjelaskan dengan bukti dan kajian tertentu. Penulisan yang menyeluruh harus diterbitkan untuk menerangkan hakikat sebenar Syiah dan kepelbagaiannya.

Sekiranya kita dapat menghasilkan penulisan dan karya yang baik dan memuaskan serta dapat dijadikan sebagai rujukan, ia dapat membantu segi membendung penyebaran Syiah yang berlaku dengan hujah-hujah sedemikian rupa yang dapat dipatahkan dengan mudah.

## **PENDIRIAN SEBAHAGIAN ULAMA DAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO) TERHADAP SYIAH DI MALAYSIA**

Sehingga kini kesemua negeri di Malaysia telah memfatwakan pengharaman Syiah. Daripada kesemua negeri tersebut hanya Sabah dan Sarawak yang belum mewartakannya atau dalam proses pewartaan, manakala dua belas yang lain telah berbuat demikian. Namun di sebalik pengharaman tersebut masih ada segelintir para ulama dan NGO yang bersimpati dengan golongan Syiah dengan menyatakan Syiah masih sebahagian daripada Islam dan berharap agar proses taqrib antara dua aliran ini diteruskan. Antara yang berpegang dengan pandangan ini adalah:

1. Ketua Dewan Ulama PAS, Datuk Dr. Mahfodz Mohamad pada 13 Oktober 2016 telah berkata umat Islam beraliran Syiah merupakan sebahagian daripada Islam, susulan seruan Presiden partinya supaya pengikut Sunni dan Syiah bersatu mengatasi perbalahan mereka. Beliau juga berpendapat bahawa memang banyak pandangan menyatakan Syiah itu berbeza namun tidak semua perbuatan mereka itu terkeluar daripada Islam. Menurut Dr. Mahfodz, Syiah termasuk dalam Islam. *“Walaupun ada mazhab Syiah yang nampak lain, tetapi tak boleh nak kata mereka sesat dan sebagainya,”*
2. Pandangan ini juga telah disokong oleh Mufti Pulau Pinang Datuk Dr. Wan Salim Wan Mohd Noor yang berkata aliran Syiah tetap sebahagian daripada Islam, bertentangan dengan pendirian rasmi agamawan Malaysia yang menganggap mazhab kedua terbesar dalam dunia Islam itu “sesat”. Beliau juga menegaskan bahawa, *“Kita tidak boleh dengan mudah mengkafirkan sesama Islam. Itu hanya menguntungkan pihak yang memusuhi Islam. Mereka tidak mengira sama ada anda Sunni, Syiah atau Wahabi,”* katanya merujuk salah satu aliran yang menjadi ikutan rasmi di Arab Saudi.

Pandangan sedemikian berbeza daripada pendirian pihak berkuasa agama di Malaysia yang menganggap Syiah menyimpang daripada Islam. Majlis Fatwa Kebangsaan pada 1996 menyatakan Syiah sebagai ajaran “sesat” dan tidak boleh diamalkan.

3. Pada 22 Julai 2013, Dato' Dr. Ahmad Farouk Musa, Pengarah Islamic Renaissance Front (IRF) melahirkan rasa kecewa dan terkejut dengan kenyataan yang dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom bahawa tidak ada pelanggaran hak asasi manusia dalam pengharaman mengenai ajaran Syiah. Sanggahnya, ia menggambarkan kesilapan yang jelas dalam memahami bahasa hak asasi manusia. Gangguan berulang kali terhadap Syiah di negara ini dan penodaan terhadap hauzah mereka adalah perbuatan tidak bertamadun dewasa ini. Oleh itu, IRF menyeru kerajaan untuk menghentikan ugutan dan penganiayaan itu terhadap golongan Syiah agar membolehkan mereka mengamalkan kepercayaan mereka dan melayan mereka sama rata berdasarkan asas hak asasi manusia.
4. Tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh Gabungan NGO-NGO Hak Asasi Manusia (COMANGO) kepada Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dianggap tidak menghormati kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan. 54 badan bukan kerajaan (NGO) yang bergabung di bawah Gabungan NGO Malaysia telah menuntut seperti yang termaktub di dalam perenggan ke-10 mewujudkan kekeliruan-kekeliruan terhadap isu kebebasan beragama di Malaysia. Di antaranya termasuklah mempersoalkan larangan terhadap penganut ajaran Syiah menyebarkan fahaman mereka di kalangan orang-orang Islam dan menuntut agar mereka diberi hak untuk beramal dengan ajaran mereka.
5. Menurut kumpulan G25, tindakan pihak berkuasa agama menangkap lebih 200 warga Iraq beraliran Syiah sempena sambutan Hari Asyura akan memburukkan nama Malaysia dan boleh menjejaskan hubungan antara kedua negara. Penasihat G25, Tan Sri Sheriff Kassim berkata tangkapan itu menunjukkan sikap tidak bertoleransi dan menonjolkan bahaya pengawasan moral di negara ini. Di Malaysia, pihak berkuasa mungkin melihat pengikut Syiah sebagai menyimpang, tetapi apa hak mereka memberitahu warga asing bagaimana mengamalkan agama mereka? Di mana sempadan pengawasan moral ini?

## TINDAKAN TERHADAP PENGANUT SYIAH

- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah membuat beberapa kali serbuan program Syiah di premis Syiah Imamiyah di Taman Seri Gombak dan Ukay Perdana pada tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013. Begitu juga dengan premis Syiah Dawoodi Bohra di Klang. Tindakan undang-undang dikenakan atas kesalahan melanggar fatwa di bawah seksyen 12 (c), Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.
- Pada tahun 2017, sebanyak enam serbuan dan tangkapan telah dibuat oleh Jabatan Agama Islam Selangor di sekitar Selangor berdasarkan aduan awam dan maklumat yang diterima.
- Pada 19 November 2016, kumpulan ini telah diserbu oleh pihak cawangan khas Bukit Aman dan penguatkuasa Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) ketika mereka sedang mengadakan majlis Arbain. (Sinar Harian, 20 November 2016).
- Pada 1 Oktober 2017, empat lelaki termasuk dua adik beradik dipercayai pengikut ajaran Syiah Ansar al Imam al Mahdi ditahan di sebuah premis rumah kedai di Jitra Kedah. Kesemua empat lelaki tersebut yang berusia 22 hingga 40 tahun itu ditahan sepasukan anggota penguatkuasa Jabatan Hal Ehwal Islam Agama Negeri Kedah (JHEAIK) yang melakukan serbuan di premis itu pada 6.25 petang.
- Hasil pemeriksaan menemui beberapa barang disyaki mengandungi ajaran Syiah yang melanggar fatwa negeri mengikut Seksyen 9 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Kedah 2014. Antara barang yang dirampas ialah beberapa kitab larangan, baju berwarna hitam tertera "*Al-Mahdi is here*", akuan berkanun dan batu karbala yang biasanya digunakan pengikut Syiah sebagai tempat meletakkan dahi ketika sujud dalam solat.
- Pada 1 Oktober 2017, Jabatan Agama Islam Johor mengenal pasti dua markas utama yang dijadikan pusat menyebarkan ajaran Syiah di negeri itu. Dua markas tersebut yang terletak di Ulu Tiram dan Taman Daya dipercayai mempunyai lebih 30 pengikut. 21 pengikut ajaran Syiah ditahan termasuk tiga warga Singapura dalam serbuan di sebuah rumah Hauzah Syiah di Ulu Tiram, Johor. Serbuan yang



dijalankan Jabatan Agama Islam Negeri dan Polis Diraja Malaysia itu turut merampas beberapa barangan berkaitan ajaran itu seperti buku, batu karbala dan kain rentang.

- Pada hari yang sama juga pihak berkuasa agama di Selangor baru-baru ini menangkap kira-kira 200 warga Iraq dan ahli keluarga mereka di Seri Kembangan dalam satu operasi menjelang sambutan Asyura, yang jatuh pada 10 Muharram mengikut kalendar Hijrah.
- Menurut laporan media berbahasa Arab, kira-kira 200 rakyat Iraq ditahan kerana menghadiri upacara Asyura, sebelum dibebaskan selepas menerima tekanan Kerajaan Iraq. Jurucakap Kementerian Luar Iraq memberi amaran bahawa tindakan Kerajaan Malaysia tersebut boleh mengganggu hubungan dua hala. Kebanyakan mereka yang ditahan bersama ahli keluarga merupakan pelajar peringkat sarjana dan ijazah lanjutan. Penangkapan di Selangor itu difahamkan berlaku di sebuah kondominium di Seri Kembangan.
- Pada 25 Ogos 2013, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) menahan enam remaja berusia antara 14 hingga 18 tahun kerana disyaki terbabit mengedarkan buku dan risalah fahaman Syiah dalam serbuan di sebuah rumah di Taman Paya Dalam di Melaka yang dipercayai markas untuk mengedarkan buku dan risalah berkaitan fahaman Syiah ke seluruh masjid dan jabatan-jabatan kerajaan. Dalam serbuan itu, sejumlah 35,000 buku dan risalah mengenai fahaman Syiah yang telah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri ditemui di rumah tersebut.
- Manakala di Ipoh, Perak pula buku fahaman Syiah sengaja dihantar ke beberapa surau dan masjid di negeri ini oleh 'seseorang' dipercayai bertujuan menarik perhatian jemaah masjid untuk menyertai ajaran Syiah. Perak melarang penyebaran fahaman Syiah berlandaskan fatwa kebangsaan mengenai larangan penyebarannya di negara ini. Antara buku-buku yang telah dirampas oleh Jabatan Agama Islam Perak (JAIP) merangkumi empat judul itu ialah, '*Meniti Titian Kebenaran: Menyingkap Kebenaran Mazhab Rasul dan Ahlul Bait*', '*Inilah...Al-Khulafa Ar-Rasyidin*', '*Akhirnya Ku Temui Kebenaran*', dan '*Dialog Mengenai Islam dan Akidah*

*Islam Yang Sebenar dan Kewajipan Setiap Muslim Mentaati Kepimpinan Yang Dilantik Allah dan Rasul Demi Perpaduan dan Kejayaan Dunia dan Akhirat.'*

## **TINDAKAN OLEH PIHAK SYIAH**

Tindakan demi tindakan yang dilakukan terhadap golongan Syiah di Malaysia tidaklah memberi kesan dan menjejaskan program serta aktiviti mereka, malahan golongan Syiah tidak berdiam diri begitu sahaja, sebaliknya telah bertindak balas memberikan beberapa respons iaitu:

### **1. Tuntutan Hak Asasi Manusia**

Rentetan daripada tindakan oleh pihak JAIS, kumpulan ini telah menghantar memorandum kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menuntut perlindungan dan dakwaan berlaku pencabulan hak asasi manusia terhadap mereka.

Pada sesi Semakan Berkala Sejangat (UPR) pada 24 Oktober 2013 di Majlis Hak Asasi Manusia, Geneva, Switzerland, terdapat beberapa laporan yang dihantar secara berasingan kepada Majlis tersebut oleh badan-badan seperti Becket Fund for Religious Liberty, Human Rights Watch, Amnesty International, Majlis Peguam, International Commission of Jurists dan NGO Hak Asasi Manusia yang lain. Namun, isi kandungan laporan COMANGO (iaitu gabungan NGO-NGO Malaysia di dalam proses UPR) membentuk sebahagian besar tuntutan yang terkandung di dalam dokumen-dokumen yang menjadi asas rujukan rekod hak asasi Malaysia pada pusingan kali ini.

Antara tuntutan-tuntutan berbahaya di dalam laporan tersebut adalah; Perenggan 10 yang mewujudkan kekeliruan terhadap isu kebebasan beragama di Malaysia. Di antaranya termasuk kes tuntutan penggunaan kalimah Allah oleh penganut Kristian yang masih belum diputuskan secara muktamad oleh mahkamah tertinggi di Malaysia. Selain itu, laporan tersebut juga mempersoalkan larangan terhadap penganut Syiah menyebarkan fahaman mereka di kalangan orang-orang Islam.

## **2. Tuntutan Perundangan Dan Ketetapan**

114 orang memohon kepada Kerajaan Malaysia hak kebebasan beragama sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di mana mereka semua mengisytiharkan diri beragama Islam bermazhab Syiah Imamiyyah (Ja'fariyyah).

## **3. Rayuan Pembatalan Pertuduhan**

Kumpulan ini memajukan surat kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk membuat permohonan rayuan pembatalan pertuduhan di bawah Seksyen 23 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 pada 15 Disember 2010 dan 24 Mei 2011.

## **4. Rayuan Pembatalan Pengharaman Syiah Dikaji Semula**

Pada 6 Jun 2011, Majlis Syiah Malaysia melalui setiausahanya Encik Mohd Haidar bin Mohd Hashim telah menghantar memorandum kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menuntut agar semua fatwa pengharaman Syiah yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan Majlis Fatwa Negeri dimansuhkan seterusnya membenarkan mereka beramal dengan ajaran mereka secara bebas tanpa sebarang sekatan.

## KEMUDARATAN DARIPADA ANCAMAN SYIAH

Ancaman Syiah di Malaysia tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak kerana kemudaratanya akan memberi kesan buruk terhadap aqidah ummah dan perpaduan di kalangan umat Islam. Antara kesan kemudaratannya tersebut adalah:

### 1. Kesan Terhadap Individu

Menyebabkan umat Islam terdedah dan sebahagiannya terjebak sehingga berpegang pada fahaman ini. Individu-individu berkenaan secara tidak langsung telah terkeluar daripada agama Islam mengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah kerana iktikad atau pegangan golongan Syiah yang telah menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar.

Menyebarkan ajaran yang menyimpang dari Syari'at Islam termasuklah antaranya; melakukan penambahan dalam syahadah, mendakwa ketidaksempurnaan al-Qur'an, meragui al-Hadis termasuk daripada kitab-kitab Hadis Sahih, mengangkat para imam mereka seperti para Rasul dan Nabi dan sebagainya

Memberi impak kepada hukum-hakam apabila seorang individu terjebak menganut fahaman Syiah iaitu antaranya berkaitan dengan status pernikahan, pewarisan harta, zuriat keturunan dan sebagainya. Sebagai contoh, sekiranya seseorang Muslim telah keluar daripada Islam, secara tidak langsung hubungan perkahwinannya dengan seorang wanita Muslimah akan batal. Hartanya pula tidak boleh diwariskan kepada isteri dan anak-anak.

Menjejaskan pelaksanaan ibadah seorang individu. Ini adalah kerana apabila ia menyalahi prinsip-prinsip asas ajaran Islam dan pegangan aqidahnya menyimpang dari landasan Islam, ibadahnya juga menjadi sia-sia tidak diterima Allah. Malah, ia turut memberi kesan kepada muamalah hariannya dengan ahli masyarakat di mana hasil sembelihannya haram dimakan dan individu tersebut tidak lagi mendapat hak-hak seorang Muslim. Individu tersebut tidak mendapat hak pewarisan harta, tidak layak dikebumikan sebagai seorang Muslim malah tidak layak menerima ucapan salam *Assalamua'laikum* sebagaimana yang biasa diucap sesama Muslim; walaupun secara zahirnya dia kelihatan seperti seorang Muslim. Perkara sebegini turut memberi kesan gambaran imej buruk terhadap Islam di mata saudara baru dan mereka yang belum memeluk Islam.

## Kesan Terhadap Keluarga

Meruntuhkan institusi perkahwinan serta merosakkan keharmonian kehidupan pasangan dan keluarga.

Menjejaskan kesimbangan zuriat keturunan.

Memecahbelahkan hubungan kekeluargaan.

Mendedahkan institusi perkahwinan pada perkara syubhat dan haram (hubungan suami isteri dan kehidupan berkeluarga).

## 2. Kesan Terhadap Masyarakat

Memecah belah dan menyemarakkan permusuhan sesama umat Islam.

Menanam pemikiran yang menyimpang daripada Syari'at Islam.

Menggalakkan kehidupan berlandaskan nafsu semata-mata.

Mewujudkan jurang perbezaan segi pegangan, aliran pemikiran, semangat kerjasama dan ukhuwah serta kehidupan bermasyarakat.

Menyuburkan sifat saling mencurigai khususnya sesama umat Islam.

Membenihkan jiwa ekstrem kerana terdorong oleh sifat jumud dan taksub terhadap sesuatu pegangan.

Membuka jalan pada pertumpahan darah di antara golongan yang berfahaman Syiah dengan golongan Ahli Sunnah sepertimana yang berlaku kepada negara-negara Timur Tengah yang dikuasai oleh Syiah.

### 3. Kesan Terhadap Negara

Menjejaskan keharmonian negara.

Menanam semangat assabiyyah dan ketaksuban yang melampau dalam aspek kepemimpinan dan pemerintahan. Syiah berpendirian bahawa kepemimpinan dan pemerintahan hendaklah dari kalangan Imam mereka sahaja.

Menjejaskan tonggak pemerintahan negara kerana Syiah yang bermatlamatkan kepimpinan tertinggi sebuah negara dan golongan Syiah jika mendapat peluang dan ruang boleh mencetuskan satu revolusi di Malaysia yang mungkin menggugat tonggak pemerintahan dan kestabilan sosiopolitik negara.